

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI,**  
**CARETAKER MENTERI**  
**PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
**SEMPENA MAJLIS PENUTUP**  
**PROGRAM PROMOSI KRAF SEMPENA**  
**KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA 2022**  
**DI PUBLIKA SHOPPING GALLERY**  
**PADA 16 OKTOBER 2022 (AHAD) PUKUL 3.30 PETANG**

---

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

**SALUTASI DISEDIAKAN OLEH PENGANJUR**

Salam Sejahtera.

1. Saya berasa amat gembira dan bersyukur kerana kita berpeluang berkumpul pada hari ini bagi meraikan **Majlis Penutup Program Promosi Kraf Sempena Kempen Beli Barangan Malaysia 2022** di Publika Shopping Gallery.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kraftangan Malaysia di atas kerjasama strategik dengan KPDNHEP bagi menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia 2022 melalui Program Promosi Kraf ini.

**Dif-dif kehormat serta hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Untuk makluman, Kempen Beli Barangan Malaysia atau ringkasnya KBBM adalah inisiatif KPDNHEP yang dijalankan secara berterusan bertujuan untuk menyemai semangat patriotisme dan rasa bangga rakyat Malaysia terhadap barangan keluaran tempatan. Kempen ini telah bermula sejak 1984 dengan nama Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia, kemudian dijenamakan semula dengan nama Kempen Beli Barangan Malaysia pada 2009.
4. KBBM ini telah berjaya membantu mengubah persepsi pengguna dalam negara yang dahulunya agak skeptikal dengan kualiti produk keluaran tempatan. Inovasi produk yang dihasilkan amat membanggakan kerana ia bukan saja meliputi produk makanan dan minuman, kosmetik, penjagaan dan kecantikan diri, pakaian, aksesori, kasut dan banyak lagi, malahan juga melangkaui kepada produk kraf tempatan. Alhamdulillah, orang kita sudah semakin yakin dan dapat menerima produk tempatan.
5. Keberkesanan kempen ini dapat dilihat apabila rakyat mula memilih untuk membeli barangan Malaysia menerusi trend peningkatan jualan bermula sejak beberapa tahun yang lalu termasuklah ketika negara dilanda pandemik Covid-19.
6. Jumlah catatan jualan pada tahun lepas sahaja telah mencatatkan sebanyak **RM142 juta jumlah jualan** dan **1.07 juta jumlah SKU** melalui *marketplace* manakala rekod di pelbagai rangkaian pasaraya besar, pasaraya, kedai serbaneka dan kedai sebaneka di

stesen minyak pula telah mencapai jualan lebih **173 ribu SKU** dan nilai jualan keseluruhan bernilai **RM3.08 billion**.

7. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan kita kerana melalui peningkatan trend hasil jualan ini, jelas menunjukkan rakyat mula beralih ke barangan keluaran Malaysia dan pastinya akan membantu dalam merangsang ekonomi domestik serta memberi manfaat kepada semua secara amnya.
8. Justeru itu, bagi tahun 2022 ini, kerajaan telah meletakkan sasaran untuk dicapai iaitu **peningkatan jumlah jualan sebanyak 2.5%** berbanding tahun lalu walaupun pelbagai cabaran dihadapi pada tahun ini termasuklah krisis inflasi dan kegawatan ekonomi dunia.
9. Oleh yang demikian, penganjuran Program Promosi Kraf Sempena Kempen Beli Barangan Malaysia 2022 dengan kerjasama Kraftangan Malaysia ini amat bertepatan bagi mempromosikan produk kraf keluaran tempatan yang beridentitikan budaya Malaysia. Program sebegini bukan sahaja dapat mengetengahkan produk kraf di pasaran, malahan juga dapat menyemarakkan lagi Kempen Beli Barangan Malaysia yang sedang giat dijalankan.

**Dif-dif kehormat serta hadirin yang dihormati sekalian,**

10. Melihatkan kepada sambutan dan sokongan pengunjung terhadap Program Promosi Kraf Sempena Kempen Beli Barangan Malaysia 2022 ini, KPDNHEP merasakan inisiatif program ini boleh diteruskan pada masa akan datang. Pihak kami juga sentiasa

menyambut baik mana-mana industri lain yang ingin mengadakan kerjasama dalam menganjurkan program seperti ini bagi membantu serta merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

11. Ayuh rakyat Malaysia! Teruslah sokong dan beli produk keluaran tempatan kerana setiap pembelian kita kelak akan dapat membantu memastikan ekonomi negara kita kekal berdaya saing. Bantulah usahawan kraf tempatan ini untuk terus berkembang ke pasaran global. Tahniah juga kepada usahawan kraf yang menyertai promosi ini, diharap program ini sedikit sebanyak dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan untuk menjana pendapatan.
  
12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Binti Shukri, Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) di atas sokongan menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia 2022.

Sekian.